

Stail

Utusan Sarawak

f e s y e n

RABU • 18 Jun 2014 • 20 Syaaban 1435H

Jordone Corporation lancar Jeep® Spirit Apparel

ACARA eksklusif yang diadakan di Restoran Ciao turut dimeriahkan dengan kehadiran pihak pengurusan Jordone Corporation, rakan niaga dan selebriti tempatan seperti Jehan Miskin, Carmen Soo dan Vince Chong.

Menurut J.K. Chua, Pengarah Eksekutif Jordone Corporation, mereka teruja melancarkan jenama yang terkenal dengan gaya dan kualiti ini di Malaysia.

Tujuan mereka membawa jenama ini adalah untuk memperkenalkan serta dan menggalakkan rakyat Malaysia meluahkan sifat pengembara sambil berpakaian kasual yang selesa.

"Kami sangat teruja melancarkan Jeep® Spirit di Malaysia.

"Sejak 1941, jenama Jeep menjadi simbol yang melambangkan kebebasan dan kemampuan.

"Falsafah jenama ini sejajar dengan misi syarikat kami iaitu menarik perhatian pelanggan dengan jenama menarik dan produk berkualiti tinggi," kata Chua.

Chua berkata lagi sebagai syarikat fesyen terkemuka di negara ini, Jordone Corporation sentiasa melangkah ke hadapan menawarkan gaya



Harga pakaian bermula dari RM39 hingga RM399.

terkini yang dapat memberikan nilai serta meningkatkan mutu kehidupan pelanggan mereka.

Jordone Corporation juga menampilkan koleksi musim bunga/panas 2014 pada hari pelancaran berkenaan.

Jeep® Spirit di Malaysia memperkenalkan dua koleksi bermusim yang selesa untuk lelaki, wanita dan kanak-kanak setiap tahun.

Koleksi terbaru ini boleh didapati di semua Outfitters Studio dan pusat membeli-

belah terke-

muka di Malaysia.

H a r g a

p a k a i a n bermula dari RM39 hingga RM399.

Untuk keterangan lanjut mengenai koleksi terbaru, sila layari www.jordone.com.

Tujuan mereka membawa jenama ini adalah untuk memperkenalkan serta dan menggalakkan rakyat Malaysia meluahkan sifat pengembara sambil berpakaian kasual yang selesa.

